

Analisis Kecenderungan Penggunaan Percampuran Kod Bahasa Inggeris dalam Video Masakan di Tiktok

An Analysis of the Tendency to Use English Code-Mixing in Cooking Videos on TikTok

Julaina Nopiah* & Nur Athirah Abd. Razak
Kuliyah Pelancongan Mampan dan Bahasa Kontemporari,
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Kampus Pagoh, Malaysia

Submitted: 10/1/2025. Revised edition: 28/5/2025. Accepted: 28/5/2025. Published online: 28/5/2025

ABSTRAK

Percampuran kod sudah tidak asing lagi dalam setiap pertuturan majoriti masyarakat di Malaysia. Lazimnya, terdapat dua campuran bahasa yang sinonim digunakan iaitu, bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Fenomena ini semakin menjadi-jadi dan telah menjadi kebiasaan bagi segelintir masyarakat khususnya menerusi penggunaan media sosial di Tiktok. Tiktok merupakan sebuah platform yang menyajikan kandungan video berdurasi pendek yang lebih separuh penggunaanya terdiri daripada golongan muda. Generasi muda beranggapan bahawa penggunaan percampuran kod tersebut membuatkan gaya komunikasi mereka terlihat lebih moden. Percampuran kod secara berlebihan telah mengganggu gugat martabat bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda di negara ini. Penggunaan bahasa Barat seperti bahasa Inggeris ini dalam pertuturan lebih meluas diguna pakai dalam Tiktok. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti percampuran kod dalam video masakan di Tiktok. Oleh hal yang demikian, pengkaji menganalisis percampuran kod dalam video masakan Tiktok berdasarkan pendekatan K. Kanthimathi (2007). Kajian kualitatif ini dijalankan menggunakan kaedah pemerhatian video dan juga analisis kandungan. Hasil kajian mendapati bahawa fenomena percampuran kod antara bahasa Melayu dan bahasa Inggeris banyak digunakan dalam video masakan di Tiktok. Kemudian, analisis berdasarkan pendekatan K.Kanthimathi (2007) menunjukkan penggunaan pelbagai bentuk percampuran kod dari segi fungsi sikap, fungsi ekspresi dan fungsi arahan.

Kata Kunci: Percampuran kod, komunikasi, Tiktok, pendekatan K. Kanthimathi

ABSTRACT

Code mixing is no stranger to every speech of the majority of society in Malaysia. Usually, there are two synonymous language mixtures used, namely Malay and English. This phenomenon is becoming more and more common and has become part of the whole community, especially through the use of social media on Tiktok. Tiktok is a platform that presents short video content that more than half of its users are young people. The younger generation thinks that the use of code mixing makes their communication style look more modern. However, it has indirectly undermined the dignity of the Malay language as the mother tongue in this country. The use of Western languages such as English in speech is more widely adopted in Tiktok. Therefore, this study was conducted to identify code mixing in cooking videos on Tiktok. Accordingly, the researcher also analyzed code mixing in Tiktok cooking videos based on the approach of K. Kanthimathi (2007). This qualitative study was conducted using video observation methods and content analysis. The results of the study found that the code mixing of Malay and English is widely used in communication without us realizing it.

Keywords: Code mixing, communication, Tiktok, K. Kanthimathi's approach

*Correspondence to: Julaina Nopiah (email: julainanopiah@iium.edu.my)

1.0 PENGENALAN

Bahasa berfungsi sebagai alat komunikasi yang digunakan oleh manusia dalam kehidupan seharian. Bahasa Melayu merupakan bahasa rasmi negara Malaysia dan juga bahasa ibunda bagi masyarakat Melayu. Walaupun bukan bahasa ibunda bagi semua kaum, Bahasa Melayu berperanan sebagai bahasa kebangsaan yang menyatukan rakyat pelbagai kaum di negara ini. Namun, kehadiran pelbagai jenis bahasa terutamanya bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua dan berstatus *lingua franca*, iaitu bahasa antarabangsa menggugat kedaulatan bahasa Melayu. Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan menjelaskan bahawa bahasa Melayu ialah bahasa rasmi yang tidak boleh dipertikai fungsi dan peranannya sebagai Bahasa Kebangsaan. Kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dimantapkan dengan Akta Bahasa Kebangsaan 1967.

Fenomena percampuran kod melibatkan penggunaan dua atau lebih bahasa dalam suatu ujaran. Hal ini demikian kerana, seorang penutur mahir dwibahasa, iaitu bahasa Melayu dan bahasa Inggeris mendorong kepada penggunaan bahasa-bahasa tersebut secara berselang-seli dalam pertuturan. Kepincangan dalam percampuran kod merujuk kepada penggunaan bahasa yang tidak sistematik atau berlebihan sehingga menjejaskan keaslian struktur ayat dan kejelasan makna. Fenomena ini dianggap sebagai isu yang serius kerana ia mencerminkan kelemahan penguasaan bahasa dan boleh membawa kepada pencemaran bahasa, khususnya dalam kalangan generasi muda. Menurut Hidayah *et al.* (2019), penggunaan percampuran kod berpunca menerusi media baharu yang semakin terkenal sebagai saluran komunikasi penting terutama golongan pelajar-pelajar. Sehubungan itu, media yang dikaitkan ialah media sosial seperti Whatsapp, Facebook, Twitter, Instagram dan Tiktok. Generasi Z mahir dalam penggunaan teknologi digital kerana dibesarkan dalam persekitaran terdedah dengan akses internet, media sosial dan telefon pintar tanpa batasan. Bukan itu sahaja, generasi Z bersifat lebih praktikal dan bijak akibat bentuk sosialisasi daripada interaksi mereka yang kerap dalam dunia maya. Media sosial yang cenderung digunakan di kalangan generasi Z merupakan aplikasi Tiktok.

Berdasarkan akhbar Harian Metro (2022), aplikasi Tiktok merangkul gelaran juara buat kali kedua kerana aplikasi yang banyak dimuat turun oleh masyarakat di seluruh dunia. Bukan itu sahaja, menerusi akhbar Utusan Malaysia (2020), melaporkan bahawa pengguna Tiktok dalam lingkungan kumpulan yang berumur 12 hingga 30 tahun menghabiskan sekitar masa sejam sehari untuk melayarinya. Tambahan pula, Tiktok turut berupaya menjadi platform alternatif bagi tujuan pendidikan.

1.1 PERNYATAAN MASALAH

Penggunaan percampuran kod dalam video Tiktok semakin meluas dan rancak berkembang. Pengkaji lepas turut mengkaji berkenaan dengan percampuran kod dalam iklan dan perfileman. Walaupun masyarakat menganggap percampuran kod ini sebagai satu cara untuk menjadikan pertuturan itu terlihat moden, namun mengundang kesan negatif. Hal ini demikian kerana, golongan muda yang melihat dan mendengar pertuturan tersebut akan mudah terpengaruh. Kesannya, pencemaran bahasa khususnya dalam kalangan pewaris bahasa dalam kalangan generasi muda. Pempengaruh diharap dapat menggunakan istilah bahasa Melayu dengan betul tanpa mencampurkan bahasa Inggeris. Penggunaan percampuran kod secara tidak terkawal dapat memberikan ancaman kepada bahasa Melayu kelak.

1.2 OBJEKTIF KAJIAN

Pengkaji telah menetapkan beberapa objektif kajian sebagai penanda aras dalam penyelidikan yang dilaksanakan. Objektif kajian bertujuan membantu untuk menentukan fokus dan hala tuju keberhasilan sesebuah kajian. Oleh itu, pengkaji menggariskan dua objektif utama seperti berikut:

- i. Mengetahui pasti fenomena percampuran kod dalam video masakan di Tiktok.
- ii. Menganalisis percampuran kod dalam video masakan di Tiktok berdasarkan pendekatan K. Kanthimathi (2007).

2.0 KAJIAN LITERATUR

Bahagian ini membincangkan kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan penggunaan dan fenomena percampuran kod, khususnya dalam kalangan masyarakat pengguna bahasa Melayu. Kajian-kajian ini dilihat daripada dua perspektif utama, iaitu kajian berbentuk deskriptif dan kajian berbentuk penghuraian atau teoritikal. Kajian deskriptif memberikan tumpuan kepada pemerhatian dan analisis fenomena percampuran kod secara langsung berdasarkan data yang dikumpul daripada pelbagai sumber seperti penulisan murid, perbualan aplikasi media sosial dan aktiviti PdP. Sementara itu, kajian penghuraian pula memberi penekanan kepada penggunaan teori dan pendekatan tertentu bagi menjelaskan bentuk dan fungsi percampuran kod secara lebih mendalam. Kedua-dua jenis kajian ini memberikan pemahaman yang menyeluruh tentang trend, pola serta faktor yang mendorong kepada fenomena percampuran kod yang semakin berleluasa dalam pelbagai medium komunikasi masyarakat kini.

2.1 Kajian Berbentuk Deskriptif

Kajian deskriptif yang dimaksudkan dalam topik ini merujuk kepada kajian yang memberikan pendedahan secara terperinci. Antaranya ialah kajian oleh Nur Syafiza Shafee dan Muhammad Zuhair Zainal (2019), dalam kajian yang bertajuk Bentuk Percampuran Kod Dari Aspek Golongan Kata dalam Penulisan Bahasa Melayu Murid Pekak Sekolah Pendidikan Khas. Terdapat dua objektif kajian yang dijalankan antaranya ialah mengenal pasti bentuk percampuran kod dalam penulisan ayat murid pekak. Seterusnya, objektif yang kedua pula ialah melihat golongan kata dominan yang menyumbang kepada percampuran kod dalam penulisan ayat murid pekak. Kajian kes ini sesuai menggunakan kaedah kualitatif kerana bersesuaian dalam menganalisis persampelan teks dan kepustakaan secara terperinci. Model kerancuan bahasa Teo Kok Seong (2006) digunakan sebagai panduan untuk mengklasifikasi bentuk percampuran kod yang dianalisis. Model tersebut terbahagi kepada empat antaranya ialah penukaran kod tempelan, penukaran kod dalam ayat, penukaran kod di antara ayat dan penukaran kod dalam perkataan. Penyelidik telah memilih persampelan kajian yang terdiri tiga orang murid tahun empat di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas Persekutuan di Pulau Pinang. Hasil penelitian kajian mendapati bahawa murid sering melakukan oleh murid ialah penukaran kod dalam ayat, iaitu sebanyak 49 ayat daripada 53 ayat yang terlibat dengan percampuran kod.

Nur Farahkhanna Mohd Rusli *et al.* (2020), telah menjalankan kajian yang bertajuk Penggunaan Bahasa Rojak dalam Aplikasi Whatsapp: Analisis Teori Relevans. Kajian ini telah menetapkan untuk melaksanakan analisis penggunaan bahasa rojak dalam aplikasi Whatsapp berdasarkan Teori Relevans. Kajian ini

merupakan kajian yang berbentuk kualitatif. Kaedah yang digunakan oleh pengkaji untuk mendapatkan data kajian ialah menggunakan kaedah kepustakaan dan pemerhatian. Selain itu, instrumen yang diguna pakai untuk melaksanakan kajian ini ialah kaedah tangkap layar menerusi aplikasi Whatsapp. Pengkaji mengaplikasikan Teori Relevans dalam kajian ini. Terdapat tiga gagasan dalam Teori Relevans antaranya ialah konteks, kesan konteks dan usaha memproses. Responden yang terlibat bagi kajian ini adalah seramai 22 orang pelajar tingkatan 1KAA. Lokasi kajian yang dipilih merupakan di Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Isap yang terletak di Kuantan, Pahang. Hasil kajian mendapati bahawa pelajar-pelajar tersebut berhasil menunjukkan hubung kait antara bahasa matriks (bahasa Melayu) dan bahasa sisipan (bahasa Inggeris) dengan teori relevans. Hal ini demikian kerana, konteks yang terkandung dalam bahasa sisipan, iaitu bahasa Inggeris dapat difahami melalui cara penglihatan kepada persekitaran. Seterusnya, beralih kepada kesan konteks pula menunjukkan bahawa pelajar 1KAA berhasil memproses dan menafsir makna kandungan ayat walaupun terdiri daripada penggunaan bahasa rojak. Selain itu, usaha memproses pelajar-pelajar 1KAA dalam kedudukan yang rendah kerana mereka menggunakan bentuk tulisan mudah dan dapat difahami sesama mereka.

Kajian oleh Duli Kamit dan Wan Ruzunna Wan Mohammad (2022), yang dilakukan bertajuk Percampuran Kod Guru Bahasa Melayu dalam Pengajaran dan Pembelajaran Secara dalam Talian (Code Mixing among Teachers Malay Language during Teaching-Learning Online Session). Kajian ini memfokuskan kepada percampuran kod semasa proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam kalangan guru bahasa Melayu dalam talian. Sekolah menengah di daerah Song, Sarawak merupakan lokasi kajian yang dipilih. Kajian menggunakan instrumen senarai semak pemerhatian yang dijalankan secara dalam talian menerusi aplikasi Zoom Meeting. Kemudian, data diperoleh menggunakan metode kualitatif. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa kedua-dua guru tersebut melakukan percampuran kod dalam PdP semasa mengemukakan soalan, memberikan arahan dan memberikan penerangan. Terdapat dua jenis percampuran kod yang terlibat antaranya bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris dan bahasa Melayu dengan bahasa Iban. Sehubungan itu, kedua-dua guru bahasa Melayu mencampuradukkan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris sahaja dalam memberikan penerangan. Namun, berbeza pula dengan semasa mengemukakan soalan dan memberikan arahan terdapat percampuran bahasa Inggeris dan bahasa Iban.

Windy Kinduo dan Saidatul Normis Hj. Mahali (2023) dalam kajian yang dilaksanakan, iaitu Situasi Penggunaan Deiksis So dalam Mesyuarat Pengurusan. Oleh itu, kajian ini bertujuan membincangkan mengenai peralihan kod yang hanya memfokuskan dalam ungkapan deiksis so. Kajian peralihan kod dalam pertuturan ini dijalankan di SMK Simpangan, Beluran, Sabah melibatkan 49 orang guru. Kajian ini menggunakan metode kualitatif menerusi analisis teks. Data kajian diperoleh melalui rakaman melalui mesyuarat guru secara dalam talian. Kemudian, data dianalisis secara teks secara satu persatu supaya dapat mengesan alih kod so. Pengkaji mengaplikasikan analisis deiksis oleh Huang (2015). Hasil penyelidikan para pengkaji mendapati bahawa tinjauan daripada lima sesi mesyuarat mengalih kod deiksis so diungkapkan oleh beberapa orang guru. Pengkaji membuat pembahagian kepada lima peranan untuk memberi gambaran yang jelas kekerapan deiksis tersebut digunakan. Antaranya dalam konteks penanda rumusan, menyambung topik terdahulu, menanda urutan dan hubungan, mengemukakan huraian untuk menjelaskan pernyataan terdahulu serta mengemukakan maklumat baharu. Oleh itu, penggunaan deiksis so dikesan kesemua peranan yang dikelaskan. Tuntasnya, penanda wacana bahasa Melayu, iaitu 'oleh itu' atau 'jadi' diujarkan dalam bahasa Inggeris so tanpa disedari kerana sudah terbiasa dalam situasi formal mahupun tidak formal.

Kajian daripada Hidayah Shafiee *et al.* (2019) yang bertajuk Pengaruh Bahasa Rojak Di Media Baharu Terhadap Bahasa Kebangsaan. Tujuan kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti istilah bahasa rojak yang

sering digunakan oleh pelajar. Kaedah kajian yang digunakan merupakan kaedah kualitatif. Pengumpulan data dilakukan melalui temu bual secara mendalam. Persampelan kajian ini memilih seramai lima orang informan yang terdiri daripada mahasiswa kursus Komunikasi Media Baharu, Universiti Malaysia Perlis. Pelajar-pelajar tersebut terpilih disebabkan kerap menggunakan bahasa rojak di media baharu. Hasil kajian mendapati bahawa, tema kajian dipengaruhi oleh empat subtema, iaitu platform, istilah, faktor dan impak. Walau bagaimanapun, penekanan terhadap subtema istilah diberikan tumpuan, iaitu campuran bahasa Melayu dan bahasa Inggeris, penggunaan bahasa ibunda atau loghat tersendiri dan kewujudan istilah baharu. Oleh itu, penggunaan istilah bahasa rojak semakin berleluasa dituturkan perlu segera dikawal di media sosial. Kewujudan istilah-istilah baru merujuk kepada budaya semasa tetap menggambarkan makna asal sesuatu ayat. Penyalahgunaan bahasa perlu dikurangkan supaya bahasa Melayu dapat dimartabatkan.

2.2 Kajian Berbentuk Penghuraian

Dalam kajian ini, pengkaji telah mula melihat kajian penghuraian berteori atau teoritikal. Kajian ini lebih menyeluruh jika dibandingkan dengan kajian terdahulu yang berbentuk deskriptif. Sehubungan itu, unsur teoritikal atau pendekatan telah dimasukkan dalam kajian. Hal ini demikian kerana, terdapat beberapa kajian yang telah dimasukkan dalam bahagian ini, iaitu kajian yang telah dilakukan oleh Ezra Choung Hiea Ching (2022), kajian Nur Ilyani Natasha Bt Abd Halim dan Nora'Azian Nahar (2020), Mohamad Yusrizal Mohamad Noor dan Mohamad Suhaizi Suhaimi (2021), Mimi Suhana Hakim *et al.* (2021) serta kajian yang telah dilakukan oleh Noraisah Masri dan Ernawita Atan (2022).

Kajian melibatkan Tiktok pernah dijalankan oleh Ezra Choung Hiea Ching (2022) yang bertajuk Analisis Penggunaan Bahasa Rojak dalam Aplikasi Media Sosial (Tiktok) dalam Kalangan Pengguna di Malaysia. Kajian ini menumpukan kepada media sosial Tiktok sahaja dengan mengkaji bahasa rojak. Pengkaji telah menetapkan dua objektif dalam kajian tersebut, iaitu mengenal pasti variasi bahasa rojak yang digunakan ketika bertutur dalam bahasa Melayu dalam aplikasi media sosial Tik Tok oleh pengguna Tik Tok di Malaysia. Seterusnya, objektif kedua ialah menerangkan faktor-faktor penggunaan bahasa rojak dalam aplikasi media sosial Tik Tok oleh pengguna Tik Tok di Malaysia. Pengkaji menggunakan kerangka teori Hoffman (1991) untuk menganalisis objektif yang kedua. Terdapat sebanyak 31 data terkumpul dalam bentuk video dan telah ditranskripsi. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat enam pola bahasa rojak, iaitu Melayu-Inggeris, Melayu-Inggeris-Thailand, Melayu-Inggeris-Korea, Melayu-Inggeris- Indonesia, Melayu Indonesia dan Melayu-Arab. Tambahan pula, faktor penggunaan bahasa rojak tertinggi adalah faktor bercakap tentang topik tertentu.

Kajian oleh Nur Ilyani Natasha Bt Abd Halim dan Nora'Azian Nahar (2020) dalam kajian yang bertajuk Percampuran Kod Dalam Filem Paskal The Movie. Kaedah kualitatif digunakan dalam kajian tersebut berbanding dengan kaedah kuantitatif kerana lebih sesuai untuk mengkaji filem. Kaedah yang digunakan ialah dalam bentuk kepustakaan, pemerhatian dialog filem secara terus dan analisis transkripsi. Hasil penelitian kajian tersebut didapati terdapat percampuran kod berlaku dalam filem pilihan, Paskal The Movie. Objektif pertama mendapati bahawa hasil kajian mengklasifikasikan dari segi bentuk kata pinjaman, bentuk frasa dan ayat penuh menerusi teori Rodolfo Jacobson (2005). Selain itu, fungsi-fungsi dalam percampuran kod yang dikenal pasti berdasarkan pendekatan K. Kanthimathi (2007) merupakan hasil dapatan objektif kedua kajian ini. Pengkaji menggunakan lima daripada sembilan fungsi dalam kajian dijalankan antaranya ialah fungsi sikap, fungsi laras bahasa, fungsi ekspresif, fungsi arahan dan fungsi sosial. Oleh itu, hasil kajian mendapati terdapat penggunaan dan fungsi percampuran kod dalam filem

Paskal The Movie. Kajian ini merupakan salah satu rujukan pengkaji untuk penggunaan percampuran kod mengikut pendekatan K. Kanthimathi (2007).

Dalam kajian Mohamad Yusrizal Mohamad Noor dan Mohamad Suhaizi Suhaimi (2021) yang bertajuk Percampuran Kod Dialek Ekspresif dalam Filem Polis Evo. Kajian ini dijalankan mengkaji percampuran kod yang berlaku dalam filem yang melibatkan percampuran kod dalaman dialek ekspresif. Kaedah kualitatif digunakan untuk menganalisis teks berdasarkan kerangka proses percampuran kod oleh Braj B. Kachru (1978). Seterusnya, bahan kajian yang dipilih merupakan filem tempatan berjudul Polis Evo. Permasalahan yang timbul dalam kajian tersebut ialah percampuran kod dialek dalam babak yang mengekspresikan emosi. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat lima fungsi ekspresi dalam percampuran kod dialek filem Polis Evo ini. Antaranya ialah ekspresif bimbang, ekspresif kehendak, ekspresif maaf, ekspresif enggan dan ekspresif hairan. Hasil dapatan kajian tersebut mendapati bahawa sebanyak 24 dialog yang mengandungi fungsi percampuran kod dialek ekspresif. Tambahan pula, proses penyisipan kata kolokasi dilihat banyak digunakan dalam percampuran kod dialek Pantai Timur. Hal ini demikian kerana, dialek Pantai Timur terdapat banyak perbezaan dengan bahasa Melayu standard. Pengaplikasian Teori K. Kanthamathi (2007) dan Braj B. Kachru (1978) membuktikan percampuran kod dialek dalam filem Polis Evo. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk membuat pembaca sedar akan percampuran kod yang kian berleluasa dalam industri perfileman supaya mengekalkan kedudukan bahasa kebangsaan dengan baik.


Seterusnya, kajian percampuran kod turut dilakukan oleh Mimi Suhana Hakim *et al.* (2021) yang bertajuk Percampuran Kod Dalam Kalangan Peniaga dalam Talian Di Instagram. Dalam kajian tersebut, pengkaji telah memfokuskan tiga objektif antaranya ialah mengenal pasti penggunaan percampuran kod dalam akaun Instagram Dherbs, Wawacosmetic Hq & Kekasih Hq. Kedua pula ialah mengkategorikan perkataan yang memiliki fungsi percampuran kod berdasarkan Teori K. Kanthimathi (2007) dalam akaun Instagram Dherbs, Wawacosmetic Hq & Kekasih Hq. Objektif yang ketiga ialah menganalisis penggunaan percampuran kod dalam akaun Instagram Dherbs, Wawacosmetic Hq & Kekasih Hq berdasarkan Teori K. Kanthimathi (2007). Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif berdasarkan pendekatan percampuran kod oleh K. Kanthimathi (2007). Sebanyak 30 data percampuran kod yang terkumpul melalui tiga akaun media sosial Instagram, iaitu wawacosmeticshq, dherbsholdingshq dan kekasih_hq. Hasil kajian mendapati bahawa fungsi percampuran kod oleh K. Kanthimathi (2007) mencapai kehendak pengkaji dengan memaparkan percampuran kod ketiga-tiga akaun media sosial tersebut. Fungsi sikap kalangan peniaga mendominasi daripada fungsi-fungsi yang lain. Pemaparan iklan percampuran kod sedemikian berupaya menarik minat pelanggan namun pada masa yang sama membelakangkan bahasa Melayu.

Kajian yang bertajuk Percampuran Kod Masyarakat Melayu Bilingual dalam Aplikasi WhatsApp dijalankan oleh Noraisah Masri dan Ernawita Atan (2022) pula memfokuskan dua objektif utama dalam pengkajiannya. Objektif yang pertama ialah mengenal pasti percampuran kod beberapa medium bertulis pada WhatsApp. Kemudian, objektif yang kedua pula ialah menganalisis fungsi percampuran kod yang berlaku berdasarkan teori percampuran kod K. Kanthimathi (2007). Kaedah kajian berbentuk kualitatif digunakan dengan mengaplikasikan kaedah analisis dokumen transkripsi perbualan bertulis dalam aplikasi WhatsApp. Instrumen kajian yang digunakan ialah tiga teks perbualan bagi melalui penulisan di WhatsApp. Namun, pengkaji memilih tarikh yang berlainan, iaitu pada Jun 2021 sehingga 10 Jun 2022. Hasil kajian mendapati bahawa ketiga-tiga platform ruang dalam aplikasi WhatsApp menggunakan komunikasi percampuran kod bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Antara platform yang terdapat dalam aplikasi WhatsApp ialah ruang naik status WhatsApp, ruang perbualan perseorangan dan ruang perbualan berkumpulan. Seterusnya, data yang terkumpul dianalisis mengikut fungsi percampuran kod Teori Percampuran Kod K. Kanthimathi (2007). Kajian ini memfokuskan lapan daripada sembilan fungsi

percampuran kod berdasarkan K. Kanthimathi (2007), iaitu fungsi ekspresif, fungsi memberikan arahan, fungsi identifikasi laras bahasa, fungsi rujukan, fungsi pengulangan kata, fungsi sosialisasi, fungsi pendedahan bahasa asing dan fungsi sikap.

3.0 METODOLOGI

Kajian ini dilaksanakan melalui pengaplikasian pendekatan kualitatif. Kajian ini juga telah menggunakan kaedah kepustakaan, kaedah pemerhatian dialog video Tiktok, kaedah analisis kandungan video Tiktok. Di samping itu, melalui kaedah kepustakaan pengkaji mendapatkan bahan seperti tesis, jurnal, kertas kajian melalui carian di Internet. Selain itu, bagi mencapai objektif kedua, iaitu menganalisis percampuran kod dalam video masakan di Tiktok berdasarkan pendekatan K. Kanthimathi (2007). Kajian ini membantu pengkaji untuk mengklasifikasi fungsi-fungsi percampuran kod yang terlibat. Pengkaji hanya menggunakan 3 fungsi daripada 9 fungsi pendekatan K. Kanthimathi (2007) mengikut keselarasan kajian video masakan. Antara tiga fungsi yang akan dianalisis dalam kajian ini seperti fungsi sikap, fungsi ekspresif dan fungsi arahan. Sehubungan itu, pendekatan tersebut sesuai digunakan kerana mempunyai konteks kesinambungan dengan video masakan. Rajah 1 di bawah menunjukkan tiga fungsi percampuran kod yang akan dianalisis mengikut kerangka teori oleh K.Kanthimathi (2007).



Rajah 1 Kerangka Teoritikal

4.0 ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Dalam bab ini, pengkaji akan membincangkan lebih terperinci analisis fenomena percampuran kod dalam video masakan di Tiktok. Seterusnya, pengkaji berpandukan objektif kajian untuk menghuraikan

percampuran kod yang terkandung dalam tiga video masakan yang dipilih. Objektif pertama ialah mengenal pasti percampuran kod dalam video masakan di Tiktok. Objektif yang kedua pula ialah menganalisis percampuran kod dalam video masakan di Tiktok berdasarkan pendekatan K. Kanthimathi (2007).

Data kajian ini diperoleh daripada platform Tiktok yang memberikan fokus kepada video masakan sahaja. Video masakan dipilih secara rawak menerusi aplikasi Tiktok. Seterusnya, data yang diperoleh dianalisis penggunaan percampuran kod bahasa Melayu dan bahasa Inggeris, iaitu video Tiktok Aida Razman, Khairulaming dan Sid Tartella. Transkripsi percampuran kod dipaparkan dalam bentuk jadual supaya lebih difahami serta memudahkan proses analisis maklumat pengkategorian fungsi-fungsi kelak. Pendekatan K. Kanthimathi (2007) membahagikan fungsi percampuran kod kepada 9, iaitu fungsi sikap, fungsi identifikasi laras bahasa, fungsi ekspresif, fungsi arahan, fungsi perulangan, fungsi sosialisasi, fungsi rujukan, fungsi instrumental dan pendedahan bahasa asing. Namun, dalam kajian ini hanya tiga bentuk fungsi sahaja dipilih dalam kajian yang dilaksanakan, iaitu fungsi sikap, fungsi ekspresif dan fungsi arahan. Ketiga-tiga fungsi tersebut dipilih kerana kesesuaian dengan konteks kandungan video, iaitu bagi menyampaikan maklumat yang jelas, menarik perhatian dan mewujudkan hubungan interaktif dengan audiens.

4.1 DAPATAN PERCAMPURAN KOD DALAM VIDEO MASAKAN DI TIKTOK

4.1.1 Mengenal Pasti Percampuran Kod dalam Video Masakan di Tiktok Aida Razman

Merujuk kepada Jadual 1, terdapat percampuran kod bahasa Inggeris yang ditemukan dalam salah satu video masakan pengguna akaun Tiktok Aida Razman. Video yang menjadi pilihan pengkaji adalah pada tanggal 13 Januari 2023, iaitu ayam masak lemak cili api. Sebanyak 18 data percampuran kod disenaraikan menerusi penelitian pengkaji dalam video masakan di Tiktok Aida Razman itu. Antaranya ialah “Hello hello welcome back to seriously cooking show, so today”, “two main ingredient”, “blend”, “make sure”, “okay”, “put thing those aside”, “readykan”, “here come the best part, just”, “you”. Bukan itu sahaja, terdapat juga perkataan yang secara tidak langsung menggabungkan satu perkataan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris, iaitu “readykan”.

Jadual 1 Data Percampuran Kod dalam Video Masakan Ayam Masak Lemak Cili Api pada Akaun Tiktok Aida Razman

Bil.	Minit	Ujaran Percampuran Kod	Perkataan Bahasa Inggeris	Terjemahan Bahasa Melayu
1	00:01	<i>Hello hello welcome back to seriously cooking show</i> aida masak	<i>Hello hello welcome back to seriously cooking show</i>	Hai hai bertemu kembali di Rancangan masakan yang
2	00:03	<i>So today</i> , kita buat masak lomak cili api korang	<i>So today</i>	Jadi hari ini
3	00:06	<i>Two main ingredient</i> , kunyit hidup dengan cili api, cili padi haa macam tulah	<i>Two main ingredient</i>	Dua bahan utama
4	00:10	Lepastu korang <i>blend</i> je dua-dua	<i>blend</i>	kisar
5	00:12	<i>Make sure</i> jangan hancur sangat <i>okay</i>	<i>Make sure okay</i>	Pastikan ya
6	00:15	<i>Put thing those aside</i> , kita <i>readykan</i> ayam kita.	<i>Put thing those aside readykan</i>	Letakkan semua bahan itu ketepi siapkan

Bil.	Minit	Ujaran Percampuran Kod	Perkataan Bahasa Inggeris	Terjemahan Bahasa Melayu
7	00:21	<i>Here come the best part, just</i> letak je bahan-bahan <i>you</i> dah <i>blend</i> tadi tu	<i>Here come the best part just you blend</i>	Tiba bahagian yang menarik hanya awak kisar
8	00:24	<i>Make sure</i> semua sebati dengan ayam	<i>Make sure</i>	Pastikan
9	0:26	<i>And then, you pickup the</i> ayam tu	<i>And then you pickup the</i>	Dan selepas itu awak angkat
10	0:27	Sebenarnya boleh je <i>you</i> nak masak dengan ayam tu	<i>you</i>	awak
11	0:30	<i>Anyways</i> , letak santan pekat lepastu gaul-gaul <i>and</i> serai satu	<i>Anyways and</i>	Sebagai tambahan dan
12	0:33	<i>It's best</i> kalau korang masukkan daun kunyit sekali tapi <i>i</i> takda <i>so</i> emm... kita <i>skip</i>	<i>It's best i so skip</i>	Sangat menarik saya jadi langkau
13	0:40	<i>And then</i> kita masukkan balik ayam tadi	<i>And then</i>	Dan seterusnya
14	0:42	<i>You can pour in some</i> santan cair	<i>You can pour in some</i>	Awak boleh tuangkan sedikit
15	0:44	Lepastu jangan lupa asam keping satu <i>and</i> gula dan garam secukupnya	<i>and</i>	dan
16	0:48	<i>At this time</i> korang tengoklah kuah korang cair ke pekat ke	<i>At this time</i>	Buat masa sekarang
17	0:55	Yang ni <i>i</i> tambah secukup rasa bagi umphh lagi	<i>i</i>	saya
18	0:58	<i>Okay your</i> masak lomak cili api ayam <i>is done</i>	<i>Okay your is done</i>	Baiklah awak dah siap

4.1.2 Mengenal Pasti Percampuran Kod dalam Video Masakan di Tiktok Khairulaming

Jadual 2 menunjukkan data percampuran kod yang dikumpulkan oleh pengkaji dalam video masakan Tiktok Khairulaming pada 4 April 2023. Sebanyak 22 data diperoleh daripada video masakan ayam masak Bali. Perkataan bahasa Inggeris yang kerap digunakan dalam video masakan tersebut ialah “so” (jadi), “okay next” (baik seterusnya), “and then” (dan selepas itu). Pengulangan leksikal tersebut menggambarkan penutur itu sudah menjadi rutin dalam pertuturan hariannya kerana selesai.

Jadual 2 Data Percampuran Kod dalam Video Masakan Ayam Masak Bali pada Akaun Tiktok Khairulaming

Bil.	Minit	Ujaran Percampuran Kod	Perkataan Bahasa Inggeris	Terjemahan Bahasa Melayu
1	0.01	<i>Hey what's up guys, so</i> untuk membuka harini jom kita buat ayam masak Bali	<i>Hey what's up guys, so</i>	Hai apa khabar semua, jadi
2	0:05	Caranya korang ambil ayam campurkan garam <i>and also</i> serbuk kunyit	<i>and also</i>	dan juga
3	0:09	Gaul-gaul <i>and</i> goreng macam biasalah	<i>and</i>	dan
4	0:11	Goreng bagi dia garing <i>golden brown</i> baru bawak keluar	<i>golden brown</i>	perang keemasan
5	0:13	<i>Okay next</i> , kita akan <i>blend</i> 3 biji bawang merah saiz besar, 5 ulas bawang putih dengan halia sebesar ibu jari.	<i>Okay next blend</i>	Baik seterusnya, kisar
6	0:20	Korang <i>adjustlah</i> lebih kurang dalam video ni	<i>adjustlah</i>	sesuaikanlah
7	0:23	<i>Okay</i> lepastu kita tumis dulu 5 batang serai yang dah diketuk dengan 3 tangkai daun kari	<i>Okay</i>	Baik

Bil.	Minit	Ujaran Percampuran Kod	Perkataan Bahasa Inggeris	Terjemahan Bahasa Melayu
8	0:33	Lepastu korang campurkan tiga sudu cili boh and tumis sekejap	<i>and</i>	dan
9	0:38	So kalau kering, korang tambahkan air	<i>So</i>	Jadi
10	0:40	And then korang sambung tumis sampai dia pecah minyak	<i>And then</i>	Dan selepas itu
11	0:45	Okay next , kita perlukan sos tiram dan juga kicap manis pedas Mahsuri	<i>Okay next</i>	Baik seterusnya
12	0:53	Okay next , kita ada aaa... kicap manis pedas Mahsuri	<i>Okay next</i>	Baik seterusnya
13	0:59	So , kita masukkan 1 sudu sos tiram Mahsuri dengan aaa... kicap manis pedas ni	<i>So</i>	Jadi
14	1:06	And then kita masukkan air asam jawa sedikit	<i>And then</i>	Dan selepas itu,
15	1:09	And then masukkan ayam yang kita dah goreng tadi	<i>And then</i>	Dan selepas itu,
16	1:11	So garam, gula, serbuk perasa tu korang adjust sendiri ikut selero masing-masing	<i>So</i> <i>adjust</i>	Jadi sesuaikan
17	1:15	And then kita masukkan lagi,	<i>And then</i>	Dan selepas itu,
18	1:16	Kalau nak lagi kick kita tambahkan lagi daun kari dengan cili padi	<i>kick</i>	pedas
19	1:22	So , kalau orang tanya macam mana rasa ayam Bali ni kalau tak pernah makan	<i>So</i>	Jadi
20	1:24	So , korang ibarat kawinkan ayam masak merah dengan ayam masak kicap together	<i>So</i> <i>together</i>	Jadi bersama
21	1:28	Rasa dia sangat strong , sangat wangi, sangatlah sedap	<i>strong</i>	kuat
22	1:34	And then, balance dengan rasa kicap, ada sos tiram sedap. walla	<i>And then, balance</i>	Dan selepas itu, seimbang

4.1.3 Mengenal Pasti Percampuran Kod dalam Video Masakan di Tiktok Sid Tartella

Berdasarkan Jadual 3 mengandungi 16 data percampuran kod antara bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dalam video masakan apam balik milik akaun Tiktok Sid Tartella. Penggantian kata ganti nama diri kedua “awak” dengan bahasa Inggeris “you” mencatatkan sebanyak 8 kali dituturkan. Bahasa induk dalam pertuturan video masakan tersebut merupakan bahasa Melayu namun terdapat percampuran bahasa asing, iaitu bahasa Inggeris diselitkan.

Jadual 3 Data Percampuran Kod dalam Video Masakan Ayam Masak Bali pada Akaun Tiktok Sid Tartella

Bil.	Minit	Ujaran Percampuran Kod	Perkataan Bahasa Inggeris	Terjemahan Bahasa Melayu
1	0:01	Okay Sid nak <i>share</i> resepi apam balik	<i>Okay</i> <i>share</i>	Baik kongsi
2	0:04	So , kita perlukan tepung, baking powder dan garam	<i>So</i> <i>baking powder</i>	Jadi serbuk penaik
3	0:13	So , kita kacaukan dia	<i>So</i>	Jadi
4	0:15	Lepastu kita tapis supaya tak ada ketulan-ketulan tepung kat dalam batter kita	<i>batter</i>	adunan
5	0:22	Lepas 15 minit kita dah boleh masukkan baking soda	<i>baking soda</i>	Serbuk penaik

Bil.	Minit	Ujaran Percampuran Kod	Perkataan Bahasa Inggeris	Terjemahan Bahasa Melayu
6	0:34	Lepastu you gelek-gelekan kualiti you tutup dan masak dia selama 2 minit	<i>you</i>	awak
7	0:40	Bila dalam dua minit tu you akan nampak apam you berongga rongga	<i>you</i>	awak
8	0:44	Bila dah kering you boleh letakkan gula. lepastu you kikiskan tepi-tepi tu jadi senang nanti you nak keluarkan	<i>you</i>	awak
9	0:56	Dah masak. Okay so , kita keluarkan pelan pelan sebab besar kan apam ni	<i>Okay so</i>	Baik jadi,
10	1:01	So , kita keluarkan pelan pelan dan letakkan atas pinggan	<i>So</i>	Jadi,
11	1:05	Okay so , kita dah boleh sapukan butter Sid pakai SCS salted butter .	<i>Okay so butter SCS salted butter</i>	Okay jadi Mentega Mentega masin SCS
12	1:10	Letakkan apa-apa topping yang korang nak	<i>topping</i>	hiasan atas
13	1:12	Sid pakai creamy corn dan kacang yang Sid dah goreng dan kisar	<i>creamy corn</i>	jagung berkrum
14	1:17	Okay korang, sebelum korang lipat korang kena layangkan pisau kat tengah-tengah apam	<i>Okay</i>	Baik
15	1:22	Jadi, bila you lipat dia tak pecah	<i>you</i>	awak
16	1:25	Sapukan butter lagi kat atas permukaan apam tu	<i>butter</i>	mentega

4.2 ANALISIS PERCAMPURAN KOD BERDASARKAN PENDEKATAN K. KANTHIMATHI (2007)

4.2.1 Menganalisis Percampuran Kod Fungsi Sikap, Ekspresif dan Arah dalam Video Masakan di Tiktok Aida Razman

Berdasarkan Jadual 4, pengkaji mendapati terdapat percampuran kod bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dalam ujaran di atas. Hal ini demikian kerana, penutur kerap menggunakan percampuran bahasa Inggeris dalam setiap ujaran yang dituturkan. Terdapat sembilan data bagi fungsi sikap (FS) yang disenaraikan oleh pengkaji dalam transkripsi video masakan Tiktok yang pertama. Fungsi sikap yang pertama “hello hello welcome back to” mewakili “hai hai bertemu kembali di” dan “seriously cooking show” pula ialah “rancangan masakan betul”. Perlakuan penutur mencampuradukkan bahasa dalam ayat sapaan kerana ingin lebih mesra dengan penonton. Hal ini demikian kerana, sebahagian besar pengguna aplikasi Tiktok merupakan generasi muda. Seterusnya, fungsi sikap yang kedua yang digunakan penutur ialah “so today” membawa maksud “jadi hari ini”. Fungsi yang ketiga pula bagi perkataan “two main ingredient” menunjukkan “dua bahan utama”. Individu tersebut berpendapat bahawa apabila percampuran kod berlaku dapat menggambarkan penutur tersebut seorang yang berpendidikan kerana mengetahui lebih daripada satu bahasa. Kata panggilan yang diungkapkan oleh penutur, iaitu “you” bermaksud “awak” ingin menampakkan bahawa keperibadiannya yang moden. Kemudian, FS 5 pula ialah perkataan “anyways” merupakan “sebagai tambahan” dan “and” ialah “dan”. Majoriti penutur gemar menggantikan penanda wacana dan kata hubung dalam bahasa Inggeris. Sebagai contoh, dalam FS 6 “and then” merujuk kepada “dan selepas itu” serta FS 7 “and” ialah “dan”. Oleh itu, perkataan-perkataan yang melibatkan percampuran kod bahasa Inggeris cenderung digunakan oleh penutur disebabkan selesai dan sehati dengan komunikasi harian mereka. Pada data FS 9 dapat dilihat bahawa penutur menggelarkan dirinya dengan “i”, iaitu “saya”. Kata ganti nama diri

pertama penutur digantikan dengan bahasa Inggeris kerana ingin dipandang tinggi oleh masyarakat. Apabila individu sering mencampuradukkan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dalam komunikasi, lebih mencerminkan identiti seseorang yang latar belakangnya menguasai lebih banyak bahasa. Bahasa Inggeris merupakan bahasa antarabangsa yang berprestij dan berperanan sebagai bahasa perantaraan komunikasi di dunia dalam penyebaran ilmu pengetahuan, pertukaran budaya, serta perkembangan era globalisasi. Oleh itu, penutur yang kurang menguasai bahasa Inggeris mencampuradukkan dalam bahasa lain dengan yakin supaya tampak fasih.

Jadual 4 Fungsi Sikap

FS	Ujaran Percampuran Kod
1	<i>Hello hello welcome back to</i> aida masak <i>seriously cooking show</i>
2	<i>So today</i> , kita buat masak lomak cili api korang
3	<i>Two main ingredient</i> , kunyit hidup dengan cili api, cili padi haa macam tulah
4	Sebenarnya boleh je <i>you</i> nak masak dengan ayam tu
5	<i>Anyways</i> , letak santan pekat lepastu gaul-gaul <i>and</i> serai satu
6	<i>And then</i> kita masukkan balik ayam tadi
7	Lepastu jangan lupa asam keping satu <i>and</i> gula dan garam secukupnya
8	<i>At this time</i> korang tengoklah kuah korang cair ke pekat ke
9	Yang ni <i>i</i> tambah secukup rasa bagi umphh lagi

Data dalam Jadual 5 merujuk kepada klasifikasi fungsi ekspresif percampuran kod dalam video masakan. Fungsi ekspresif (FE) ini adalah untuk mendeskripsikan emosi dalam ungkapan yang terdapat dalam video masakan Tiktok. Sehubungan itu, penutur mengekspresikan emosinya dalam bahasa asing, iaitu bahasa Inggeris. Pengkaji telah menyenaraikan tiga fungsi ekspresif dalam video masakan Tiktok Aida Razman. Pada data FE 1 menggunakan “here come the best part, just” menunjukkan “tiba bahagian yang menarik, hanya”, “you” ialah “awak” dan “blend” ialah “kisar”. Penekanan fungsi ekspresif dalam ungkapan sebelumnya, iaitu “tiba bahagian yang menarik, hanya” yang mana penutur mengekspresikan ekspresif kegembiraan dalam bahagian masakannya. Ungkapan ini bukan sahaja menyampaikan maklumat tetapi menzahirkan emosi positif yang menambah daya tarikan dan keterikatan pendengar terhadap video masakan. Seterusnya, FE 2 pula ialah “it’s best” merupakan “sangat menarik” merujuk kepada ekspresif kehendak. Tambahan pula, dalam FE 2 turut melibatkan fungsi sikap (FS) yang terdiri daripada “i” ialah “saya”, “so” ialah “jadi” dan “skip” ialah “langkau”. Bukan itu sahaja, pada ujaran FE 3 “okay your” ialah “baiklah awak” dan “is done” merujuk kepada “dah siap”. Penggunaan perkataan yang dituturkan memaparkan keterujaan penutur bahawa masakannya telah siap dimasak. Kebiasaannya, tindakan penutur mencampurkan kod bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dalam penuturan supaya perkara yang disampaikan jelas dan lebih dekat dengan hati penonton. Hal ini demikian kerana, majoriti pengguna aplikasi Tiktok merupakan dalam kalangan golongan muda. Justeru, pengaruh pertuturan percampuran kod terutama bahasa Inggeris sering menonjolkan fungsi ekspresif, iaitu penutur dapat menyampaikan emosi, perasaan atau penekanan lebih berkesan dalam kehidupan. Bahasa Inggeris dalam konteks ini dilihat lebih efektif dan mudah difahami untuk mengekspresikan idea atau perasaan berbanding penggunaan bahasa Melayu.

Jadual 5 Fungsi Ekspresif

FE	Ujaran Percampuran Kod
1	<i>Here come the best part, just</i> letak je bahan-bahan <i>you</i> dah <i>blend</i> tadi tu
2	<i>It's best</i> kalau korang masukkan daun kunyit sekali tapi <i>i</i> takda <i>so</i> emm... kita <i>skip</i>
3	<i>Okay your</i> masak lomak cili api ayam <i>is done</i>

Jadual 6 menunjukkan percampuran kod bahasa Inggeris yang berfungsi sebagai arahan dalam pendekatan K. Kanthimathi (2007). Fungsi arahan (FA) ini bertujuan sebagai suatu petunjuk untuk melaksanakan sesuatu perkara. Oleh itu, pendengar perlu mengambil perhatian yang lebih untuk mengetahui cara-cara dalam masakan. Sebagai contoh, pada FA 1 pengkaji mengenal pasti bahawa penutur tersebut menggantikan leksikal “kisar” dengan “blend”. Kemudian, data FA 2 ialah perkataan “make sure”, iaitu “pastikan” dan “okay” merujuk kepada “ya”. Selain itu, penutur mengarahkan “put thing those aside” mewakili “letakkan bahan itu ketepi” dan “readykan” ialah “sediakan”. Pengkaji mendapati bahawa dalam ayat tersebut, penutur mencampurkan dua bahasa dalam satu dalam satu perkataan, iaitu “readykan”. Masalah ini dikhuatiri mengganggu gugat martabat bahasa Melayu kerana terbiasa dengan perbuatan sedemikian. Tambahan pula, pada FA 4 memaparkan penggunaan perkataan “make sure” merujuk kepada “pastikan” kerap kali diguna pakai. Kemungkinan penutur berasa terdapat kekeliruan dalam mengungkapkan perkataan bahasa Melayu. Justeru, timbulnya perkataan bahasa Inggeris sebagai alternatif menggantikan pertuturan dalam komunikasi. Selain itu, data FA 5 “and then, you pickup the” membawa maksud “dan selepas itu, awak angkat”. Penutur mengarahkan supaya penonton mengangkat ayam yang sudah siap digoreng. Jelas membuktikan bahawa fenomena percampuran kod yang terdapat dalam video masakan ini sangat membimbangkan. Bukan itu sahaja, penutur turut mengarahkan dalam FA 6 “you can pour in some” merujuk kepada “awak boleh tuangkan sedikit”. Dalam fungsi arahan dapat dikesan bahawa penutur berkomunikasi menggunakan percampuran perkataan bahasa Melayu dan bahasa asing dalam video masakannya. Dapatan ini membuktikan bahawa penggunaan bahasa Inggeris dalam fungsi arahan dipilih oleh penutur kerana dianggap lebih mudah dan terbiasa digunakan dalam konteks masakan, Arahan yang digunakan bagi menggantikan arahan dalam bahasa Melayu disebabkan penutur beranggapan ungkapan tersebut lebih difahami, ringkas dan berkesan terutamanya dalam menyampaikan kepada pengguna Tiktok yang celik dwibahasa.

Jadual 6 Fungsi Arahan

FA	Ujaran Percampuran Kod
1	Lepastu korang <i>blend</i> je dua-dua
2	<i>Make sure</i> jangan hancur sangat <i>okay</i>
3	<i>Put thing those aside</i> , kita <i>readykan</i> ayam kita.
4	<i>Make sure</i> semua sebatu dengan ayam
5	<i>And then, you pickup the</i> ayam tu
6	<i>You can pour in some</i> santan cair

4.2.1 *Menganalisis Percampuran Kod Fungsi Sikap, Ekspresif dan Arahan dalam Video Masakan di Tiktok Khairulaming*

Berdasarkan penelitian pengkaji dalam video masakan ayam masak Bali yang dipilih, pengkaji telah menemui 15 ujaran percampuran kod bahasa Inggeris. Ujaran tersebut merujuk kepada percampuran kod bahasa Inggeris fungsi sikap (FS). Antara ayat yang dikenal pasti dalam FS 1 ialah “Hey what's up guys” (apa khabar semua) dan leksikal “so” (jadi). Penutur menyapa penonton pada permulaan video dengan ayat sapaan dalam bahasa Inggeris. Tambahan pula, majoriti pengguna media sosial Tiktok mengenali pengaruh video masakan tersebut dengan slogan yang digunakan. Seterusnya, FS 2 menggantikan perkataan bahasa Melayu “dan juga” kepada bahasa Inggeris “and also”. Begitu juga dengan FS 3 dan FS 5 yang turut menggunakan leksikal “and” daripada “dan” dalam komunikasi video masakannya. Hal ini demikian kerana, kemungkinan besar penutur telah lazim menggantikan kata hubung bahasa Melayu kepada bahasa Inggeris membuatkan penutur berasa janggal untuk mengujarkannya dalam bahasa Melayu. Kemudian, pada data FS 4 pula pengkaji telah mengenal pasti penutur menggunakan perkataan “okay” berbanding “baik”. Di samping itu, leksikal bahasa Inggeris “so” (jadi) kerap digunakan sebanyak 5 kali dalam video masakan ayam Bali ini pada data FS 1, FS 6, FS 10, FS 14 dan FS 15. Bukan itu sahaja, sebanyak 4 kali ujaran “and then” mewakili “dan selepas itu” pada FS 7, FS 11, FS 12, FS 13. Tambahan pula, pengkaji mendapati bahawa terdapat pengulangan dua perkataan yang sama dilontarkan oleh penutur, iaitu “okay next” (baik seterusnya). Kemunculan fenomena percampuran kod bahasa Melayu dan bahasa Inggeris berlaku disebabkan latar belakang penutur yang berilmu. Sementara itu, pada FS 15 selain menggunakan perkataan “so”, penutur turut menggantikan perkataan “bersama” kepada “together”.

Jadual 7 Fungsi Sikap

FS	Ujaran Percampuran Kod
1	<i>Hey what's up guys, so</i> untuk membuka harini jom kita buat ayam masak Bali
2	Caranya korang ambil ayam campurkan garam <i>and also</i> serbuk kunyit
3	Gaul-gaul <i>and</i> goreng macam biasalah
4	<i>Okay</i> lepastu kita tumis dulu 5 batang serai yang dah diketuk dengan 3 tangkai daun kari
5	Lepastu korang campurkan tiga sudu cili boh <i>and</i> tumis sekejap
6	<i>So kalau kering, korang tambahkan air</i>
7	<i>And then</i> korang sambung tumis sampai dia pecah minyak
8	<i>Okay next</i> , kita perlukan sos tiram dan juga kicap manis pedas Mahsuri
9	<i>Okay next</i> , kita ada aaa... kicap manis pedas Mahsuri
10	<i>So</i> , kita masukkan 1 sudu sos tiram Mahsuri dengan aaa... kicap manis pedas ni
11	<i>And then</i> kita masukkan air asam jawa sedikit
12	<i>And then</i> masukkan ayam yang kita dah goreng tadi
13	<i>And then</i> kita masukkan lagi,
14	<i>So</i> , kalau orang tanya macam mana rasa ayam Bali ni kalau tak pernah makan
15	<i>So</i> , korang ibarat kawinkan ayam masak merah dengan ayam masak kicap <i>together</i>

Penelitian ujaran percampuran kod bahasa Inggeris dalam Jadual 8 ditanda dengan menggelapkan dan dicondongkan. Pengkaji telah menyenaraikan tiga fungsi ekspresif yang terkandung dalam video masakan ayam masak Bali. Dalam ujaran pertama, penutur cuba menzahirkan keindahan dalam video masakan. Hal ini demikian kerana, FE 1, iaitu “golden brown” bermaksud “perang keemasan” lebih menimbulkan gaya elegan dalam cara pengucapannya dalam bahasa Inggeris. Selain itu, FE 2 dilihat penutur menggunakan

“kick” (pedas) untuk mengekspresikan emosi sokongan. Sehubungan itu, masakan lebih pedas dijelaskan dengan deskripsi “kick”. Kemudian, penutur meluahkan emosi pujian dalam video masakannya. Oleh itu, pada FE 3, penutur menggantikan perkataan “kuat” dengan “strong”. Penggunaan istilah dalam bahasa Inggeris kemungkinan lebih memberi kesan ekspresi yang jelas berbanding bahasa Melayu. Dengan ini, kesesuaian perkataan Bahasa Inggeris diselaraskan mengikut konteks semasa agar difahami. Pengguna media sosial Tiktok telah banyak terdedah dengan istilah-istilah bahasa Inggeris khususnya menerusi pemerhatian video di Tiktok.

Jadual 8 Fungsi Ekspresif

FE	Ujaran Percampuran Kod
1	Goreng bagi dia <i>garing golden brown</i> baru bawak keluar
2	Kalau nak lagi <i>kick</i> kita tambahkan lagi daun kari dengan cili padi
3	Rasa dia sangat <i>strong</i> , sangat wangi, sangatlah sedap

Merujuk kepada Jadual 9, kajian ini mendapati bahawa terdapat percampuran kod bahasa Inggeris menunjukkan 4 fungsi arahan (FA). Ujaran FA 1, iaitu menggabungkan fungsi sikap “okay next” (baik seterusnya) serta fungsi ekspresif “blend” (kisar). Penutur dilihat lebih suka memberikan arahan kepada penonton mencampurkan bahasa Inggeris dalam penyampaian maklumat video bahasa Melayu. Seterusnya, dalam ayat yang kedua pula yang dikenal pasti FA 2 ialah “adjustlah” (sesuaikanlah). Perkataan yang dinyatakan merupakan gabungan dua bahasa Melayu serta bahasa Inggeris dalam satu perkataan, iaitu “adjust” dan “-lah”. Partikel -lah sebagai kata sokongan bagi perkataan “adjust” dalam fungsi memberikan arahan. Selain itu, dalam FA 3 juga mengandungi leksikal percampuran kod bahasa Inggeris yang sama dengan sebelumnya, iaitu “adjust” (sesuaikan). Malahan, terselit juga fungsi sikap dalam FA 3, iaitu “so” (jadi) merujuk kepada kata hubung dalam ayat tersebut. Bukan itu sahaja, bagi data FA 4 pula “and then, balance” merujuk kepada “dan selepas itu, seimbang”. Penutur memberitahu kepada penonton supaya mengikut arahan secara terus dalam tindakan yang perlu dilakukan dalam resepi ayam masak Bali. Tuntasnya, kemunculan berlakunya percampuran kod disebabkan beberapa bahasa Inggeris yang dilontarkan oleh penutur dalam video masakan ayam masak Bali.

Jadual 9 Fungsi Arahan

FA	Ujaran Percampuran Kod
1	<i>Okay next</i> , kita akan <i>blend</i> 3 biji bawang merah saiz besar, 5 ulas bawang putih dengan halia sebesar ibu jari.
2	Korang <i>adjustlah</i> lebih kurang dalam video ni
3	<i>So</i> garam, gula, serbuk perasa tu korang <i>adjust</i> sendiri ikut selero masing-masing
4	<i>And then, balance</i> dengan rasa kicap, ada sos tiram sedap. walla

4.2.1 Menganalisis Percampuran Kod Fungsi Sikap, Ekspresif dan Arahan dalam Video Masakan di Tiktok Sid Tartella

Berdasarkan Jadual 10, menunjukkan beberapa penggunaan bahasa Inggeris yang digelapkan dan dicondongkan merujuk kepada fungsi sikap. Pengkaji mendapati bahawa terdapat banyak pengulangan

perkataan bahasa asing dalam ujaran yang dituturkan. Sebagai contoh, pada ujaran FS 1, FS 2 dan FS 8. Leksikal yang sering diguna pakai dalam jadual di atas merupakan “so” (jadi). Seterusnya, penutur juga gemar menyapa penonton dengan bahasa Inggeris, iaitu “you” (awak) dalam ujaran FS 4, FS 5, FS 6, FS 10. Rentetan itu, penggunaan kata ganti nama diri kedua tersebut melambangkan identiti penutur yang ingin memberikan kelainan dalam gaya bahasa komunikasinya. Selain itu, pada FS 1 selain perkataan “so” (jadi) penutur turut menggantikan “serbuk penaik” kepada “baking powder”. Penggunaan perkataan “baking powder” boleh dikaitkan dengan kebiasaan dalam masyarakat yang menggunakan bahasa Inggeris seperti tertera pada pembungkusan. Di samping itu, pada FS 3 menunjukkan penutur menggunakan perkataan “batter” merujuk kepada “adunan”. Perlakuan penutur mengungkapkan leksikal tersebut disebabkan ingin menunjukkan personaliti penutur yang berpendidikan. Di samping itu, data FS 7 mendapati bahawa percampuran kod bahasa Inggeris pada perkataan “okay so” yang bermaksud “baik jadi”. Sehubungan itu, data FS 9 mempunyai persamaan dengan menggunakan leksikal “okay” (baik). Penggunaan perkataan bahasa Inggeris dalam ujaran bahasa Melayu penutur lebih selesa dalam pertuturan kerana telah menjadi kebiasaannya menyebut dalam bahasa Inggeris. Bukan itu sahaja, bahan masakan bahasa Inggeris digunakan, iaitu “butter” (mentega) menjadi pilihan sebutan berbanding bahasa Melayu. Hal ini demikian kerana, penggunaan bahasa Inggeris yang diguna pakai dilihat lebih moden. Namun, percampuran kod bahasa Inggeris dengan bahasa Melayu akan menggoyahkan martabat bahasa Melayu. Penonton akan lebih terpengaruh mengungkapkan perkataan dalam bahasa Inggeris berbanding bahasa Melayu. Perkara ini berlaku disebabkan masyarakat lebih arif dalam bahasa asing berbanding mengetahui kosa kata bahasa ibunda.

Jadual 10 Fungsi Sikap

FS	Ujaran Percampuran Kod
1	<i>So</i> , kita perlukan tepung, <i>baking powder</i> dan garam
2	<i>So</i> , kita kacaukan dia
3	Lepastu kita tapis supaya tak ada ketulan-ketulan tepung kat dalam <i>batter</i> kita
4	Lepastu <i>you</i> gelek-gelekan kualiti <i>you</i> tutup dan masak dia selama 2 minit
5	Bila dalam dua minit tu <i>you</i> akan nampak apam <i>you</i> berongga rongga
6	Bila dah kering <i>you</i> boleh letakkan gula. Lepastu <i>you</i> kikiskan tepi-tepi tu jadi senang nanti <i>you</i> nak keluarkan
7	Dah masak. <i>Okay so</i> , kita keluarkan pelan pelan sebab besar kan apam ni
8	<i>So, kita keluarkan pelan pelan dan letakkan atas pinggan</i>
9	<i>Okay</i> korang, sebelum korang lipat korang kena layangkan pisau kat tengah-tengah apam
10	Jadi, bila <i>you</i> lipat dia tak pecah
11	Sapukan <i>butter</i> lagi kat atas permukaan apam tu

Jadual 11 menunjukkan percampuran kod bahasa Inggeris yang mewakili fungsi ekspresif. Pengkaji telah menyenaraikan empat fungsi ekspresif yang terkandung dalam video masakan apam balik di Tiktok. Bagi ayat yang pertama percampuran kod bahasa Inggeris yang dikenal pasti ialah “baking soda” (soda penaik). Seterusnya, pada FE 2 pula ialah “okay so” (baik jadi), “butter” (mentega) dan “SCS salted butter” (mentega masin SCS). Fungsi ekspresif digunakan pada perkataan “butter” (mentega) dan “SCS salted butter” (mentega masin SCS). Penutur mengekspresikan kreativiti dalam menghuraikan penggunaan jenis mentega. Hal ini demikian kerana, sebutan dalam perkataan bahasa Inggeris dianggap lebih menonjol dan difahami berbanding bahasa Melayu. Di samping itu, pada data FE 3 memaparkan bahawa penutur menggunakan istilah “topping” (hiasan atas). Leksikal tersebut mewakili fungsi ekspresif disebabkan

penutur menyatakan keinginan atau pilihan untuk meletakkan apa-apa yang mahu. Bukan itu sahaja, penutur menonjolkan kelebihan produk dengan mengatakannya dalam bahasa Inggeris, iaitu “creamy corn” (jagung berkrim). Penghuraian perkataan lebih terperinci dilakukan dalam bahasa selain bahasa Melayu kerana pengaruh daripada pembungkusan. Penutur cuba mengambil peluang untuk lebih menjadikan konten video masakan apam balik menarik. Percampuran kod yang dilihat dalam ujaran video akan menambat hati penonton golongan muda.

Jadual 11 Fungsi Ekspresif

FE	Ujaran Percampuran Kod
1	Lepas 15 minit kita dah boleh masukkan <i>baking soda</i>
2	<i>Okay so</i> , kita dah boleh sapukan <i>butter</i> Sid pakai <i>SCS salted butter</i>
3	Letakkan apa-apa <i>topping</i> yang korang nak
4	Sid pakai <i>creamy corn</i> dan kacang yang Sid dah goreng dan kisar

Dalam video masakan ini, pengkaji berhasil menemukan satu data percampuran kod bahasa Inggeris merujuk kepada fungsi arahan. Malahan, pada masa yang sama dalam ujaran tersebut juga terdapat satu leksikal fungsi sikap, iaitu “okay” (baik). FA 1 dilihat penutur memberikan arahan “share” mewakili “kongsi”. Penggunaan bahasa Inggeris dalam memberikan arahan kepada mendengar supaya penonton lebih tertarik untuk meneruskan menonton video (Jadual 12).

Jadual 12 Fungsi Arahan

FA	Ujaran Percampuran Kod
1	<i>Okay</i> Sid nak <i>share</i> resepi apam balik

5.0 KESIMPULAN

Konklusinya, percampuran kod wujud disebabkan masyarakat kini bilingual yang bererti mempunyai lebih daripada satu bahasa. Fenomena ini kebiasaannya berlaku di kalangan masyarakat yang menetap di bandar atau ibu kota. Namun, penduduk di kampung tidak mencampur bahasa semasa bertutur. Hal ini demikian kerana, majoritinya mempunyai satu kamus bahasa. Oleh itu, apabila masyarakat mempunyai hanya satu kamus bahasa tanpa ada bahasa yang lain mengurangkan potensi seseorang untuk mencampur bahasa dalam komunikasi.

Berdasarkan analisis percampuran kod dalam video masakan TikTok Aida Razman, Khairulaming, dan Sid Tartella, dapat disimpulkan bahawa fenomena percampuran kod bahasa Melayu dan Inggeris berlaku secara meluas dengan tiga fungsi utama, iaitu fungsi sikap, ekspresif, dan arahan. Dari segi fungsi sikap, penutur kerap menggunakan percampuran kod dalam ayat sapaan seperti "Hello hello welcome back" dan "Hey what's up guys" untuk mencipta kesan mesra dan moden, manakala kata hubung seperti "so", "and", dan "anyways" sering digantikan dengan bahasa Inggeris akibat kebiasaan dan keselesaan penutur. Bagi fungsi ekspresif, bahasa Inggeris digunakan untuk mengekspresikan emosi secara lebih berkesan, seperti kegembiraan ("here come the best part"), pujian ("golden brown"), dan kreativiti ("creamy corn"), di samping istilah khusus seperti "blend" dan "topping" yang dipilih kerana dianggap lebih tepat dan menarik. Dalam fungsi arahan, penutur lebih cenderung menggunakan bahasa Inggeris untuk memberikan arahan

yang ringkas dan efektif, seperti "make sure", "adjust", dan "share", yang mungkin disebabkan oleh pengaruh globalisasi dan keinginan untuk mendekati penonton yang kebanyakannya celik dwibahasa.

Di samping itu, wujudnya berlaku percampuran kod disebabkan penutur ingin mengungkapkan bahasa tetapi tidak tercapai dalam bahasa Melayu. Oleh itu, tahap capaian dalam bahasa Inggeris mahupun dialek yang dituturkan akhirnya mendorong masyarakat berkomunikasi dalam percampuran kod. Misalnya, kita dapat melihat penggunaan percampuran kod dalam video-video di aplikasi Youtube, Instagram dan Tiktok seakan-akan menjadi satu trend.

Seerti yang kita sedia maklum, melihat kepada fenomena percampuran kod itu sendiri bukan sahaja dilihat dalam faktor bilingual semata-mata. Malahan, dapat diterokai melalui fungsi-fungsi pendekatan K. Kanthimathi (2007). Antaranya ialah fungsi ekspresif, fungsi memberikan arahan, fungsi identifikasi laras bahasa, fungsi rujukan, fungsi pengulangan kata, fungsi sosialisasi, fungsi pendedahan bahasa asing dan fungsi sikap. Fenomena percampuran kod dianggap satu amalan komunikasi popular zaman kini. Bahasa Inggeris dianggap oleh umum sebagai bahasa berprestij dan bahasa perantara di peringkat antarabangsa. Oleh itu, taburan perkataan bahasa Inggeris digunakan pada ayat berbahasa Melayu dalam bab 4 menunjukkan percampuran dua bahasa yang sangat jelas dan ketara.

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan sekalung penghargaan dan terima kasih kepada setiap individu yang terlibat secara langsung dan tidak langsung sepanjang penghasilan makalah ini.

KONFLIK KEPENTINGAN

Para penulis mengesahkan bahawa tiada sebarang konflik kepentingan dalam penerbitan artikel ini.

RUJUKAN

- Anne, J. K., & Saidatul Nornis, H. M. (2020). Kerancuan Bahasa dalam Kalangan Murid Sekolah Menengah di Daerah Tuaran, Sabah (*Mixed Language in Essay of Secondary Students in Tuaran District, Sabah*). *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB)*, 31(2), 97–132. <https://doi.org/10.51200/manu.v31i2.2633>.
- Arwansyah, K., & Arifki Budia Warman. (2023). Impak Penggunaan Aplikasi Tiktok Terhadap Gaya Hidup Pelajar UTHM Pagoh. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(2). <http://dx.doi.org/10.47405/mjssh.v8i2.2137>.
- Duli, K., & Wan Muna Ruzanna, W. M. (2022). Percampuran Kod Guru Bahasa Melayu dalam Pengajaran dan Pembelajaran Secara dalam Talian (*Code Mixing among Teachers Malay Language during*

- Teaching-Learning Online Session*). *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4, 475–486. <https://doi.org/10.55057/jdpd.2022.4.1.38>.
- Ching, E. C. H. (2022). Analisis Penggunaan Bahasa Rojak dalam Aplikasi Media Sosial (TikTok) dalam Kalangan Pengguna di Malaysia.
- Hidayah, S., Ahmad Fahmi, M., Abdul Rahman, A. M., Tengku Kastriafuddin, T. Y., Abdul Jalil, R., Zuraidi, A. M., Jamsari, J., Maskor Bajuri dan Mohd Erpi, M. A. (2019). Pengaruh Bahasa Rojak di Media Baharu Terhadap Bahasa Kebangsaan (*The Influence of Bahasa Rojak In New Media Towards The National Language*). *International Journal of Law, Government and Communication*, 4(15), 141–153. <https://doi.org/10.35631/ijlgc.4150015>.
- Julia, J. (2022). Impak Media Sosial dalam Kalangan Remaja, Kajian Kes: Pelajar Sekolah Menengah.
- Khairun Dzuria Azniza, M. Y., Nur Farahkhanna, M. R., Nordiana, H., Farra Humairah, M., Hasrina, B., Norfaizah, A. J. (2020). Penggunaan Bahasa Rojak dalam Aplikasi Whatsapp : Analisis Teori Relevans. *Prosiding Seminar Antarabangsa Komunikasi dan Budaya*, 127–132.
- Mimi Suhana, H., Nur Afiqah, A. R., & Sa'adiah, M. (2021). Percampuran kod dalam kalangan Peniaga dalam Talian di Instagram. *Jurnal Melayu*, SI, 579–601.
- Mohammad Fadzeli, J., & Norsimah, M. A. (2020). Variasi Linguistik di Greater KL (*Linguistic Variation in Greater KL*). *GEMA; Online Journal of Language Studies*, 20(2), 83–95. <https://doi.org/10.17576/gema-2020-2002-05>.
- Mohamad Yusrizal, M. N., & Mohamad Suhaizi, S. (2021). Percampuran Kod Dialek Ekspresif dalam Filem Polis Evo. *International Young Scholars Journal of Languages*. 4(1).
- Nizam Mohamad, Y.. (2020) Tiktok sebagai medium pendidikan. *Utusan Malaysia*. <https://www.utusan.com.my/rencana/2020/10/tiktok-sebagai-medium-pendidikan/>
- Nor Aliah, K. O. (2022). Generasi muda kena bijak manfaat media sosial. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/rencana/minda-pembaca/2022/01/913162/generasi-muda-kena-bijak-manfaat-media-sosial>.
- Noraisah, M., & Ernawita, A. (2022). Percampuran Kod Masyarakat Melayu Bilingual dalam Aplikasi WhatsApp. *Jurnal Pertanika Mahawangsa*. 9(2), 111–122.
- Nurul Huda, H. (2023). Jadi Hamba Media Sosial. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/260750/berita/nasional/jadi-hamba-media-sosial>.
- Nur Syafiza, S., & Muhammad Zuhair, Z. (2019). Bentuk Percampuran Kod Dari Aspek Golongan Kata dalam Penulisan Bahasa Melayu Murid Pekak Sekolah Pendidikan Khas. dalam *Linguistik Bahasa dan Pendidikan*. *Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Pulau Pinang, Malaysia*. 249–254.
- Nur Iliyani Natasha, A. H., & Nora'Azian, N. (2020). Percampuran Kod dalam Filem Paskal The Movie. *International Young Scholars Journal of Languages*.
- Rahanah, A. R., Mohammad Puad, B., Norhayati, A. (2023). Penggunaan Aplikasi Tiktok Inovasi dalam Pelaksanaan Apresiasi Seni Pendidikan Seni Visual. *The Use of Innovative TikTok Applications in the Implementation of Educational Art Appreciation Visual Arts*. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 16, 1–13. <https://doi.org/10.37134/bitara.vol16.sp2.1.2023>.
- Saidatul Khatijah, I., Kamarul Shah, B. (2021). Penggunaan Bahasa Rojak dalam Aplikasi WhatsApp sebagai Komunikasi Harian.
- Siti Aisyah, J., Noor Shahira, M., Nor 'Afifah, M., Syed Najihuddin, S. H. (2023). Penggunaan Aplikasi Tiktok dalam Menyampaikan Kandungan Keagamaan: Kajian terhadap 3 Akaun Tiktok. *Prosiding Kertas Kerja: Konvensyen Kearifan Nusantara Ke-4* (ARIF 2023).

- Siti Haslina, H. & Nur Hazwani, A. B. (2023). Motivasi dan Penggunaan Facebook, Instagram, Twitter dan Tiktok dalam Kalangan Pelajar Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). *Trends in Undergraduate Research*, 6(1).
- Siti Zubaidah, R. M. S., & Muhammad Aminuddin, A. N. (2022). Peralihan Kod Bahasa dalam Dialog Filem Mamat Khalid: Kajian Terhadap *Zombi Kilang Biskut* (2014). *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-7 (PASAK 7 2022)*.
- Windy. K., & Saidatul Nornis, H. M. (2023). Situasi Penggunaan Deiksis So dalam Mesyuarat Pengurusan (*The Use Deixis 'So' in Administration Meetings*). *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*, 2(1), 111–137. <https://doi.org/10.32890/rentas2023.2.5>.